

18 APR 1996

SEMBILAN MOU/PERJANJIAN DIMETERAI DALAM LAWATAN PM KE CROATIA

Oleh: Salbiah Said

ZAGREB, 18 April (Bernama) -- Lima Memorandum Persefahaman (MoU), tiga surat cara perjanjian dan satu perjanjian usaha sama telah dimeterai sepanjang lawatan sehari yang dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Croatia hari ini.

Dr Mahathir dan rakan sejawatannya dari Croatia Zlatko Matesa menyaksikan upacara menandatangani perjanjian berkenaan di sini selepas perasmian Pameran Barangan Keluaran Malaysia di Pameran Zagreb yang diikuti dengan majlis jamuan dan penyampaian ucapan dasar.

Dr Mahathir juga melancarkan Proton Wira siri 400 untuk pasaran Croatia pada pameran tersebut.

Memoarandum Persefahaman pertama ditandatangani antara Dewan Perniagaan dan Perusahaan Kebangsaan Malaysia dan Dewan Ekonomi Croatia bertujuan mempertingkatkan lagi kerjasama perdagangan, industri, teknikal dan ekonomi antara anggota kedua-dua dewan berkenaan.

Memorandum Persefahaman lain yang ditandatangani ialah antara South Vest Corporation Sdn Bhd dan Vis-Thanine D.D. dan Pamucna Industrija Diga Reza bagi membekalkan benang dan fabrik.

South Vest juga menandatangani MoU dengan Madim of Croatia bagi mengedar barangan pengguna.

Business Focus Sdn Bhd dan Euroing Injzenjering pula menandatangani MoU bagi membina sebuah kompleks perniagaan manakala Anggun Permai Industries Sdn Bhd menandatangani MoU dengan Niva Trgovina bagi memasang dan mengedar peralatan audio video di Croatia.

Surat cara perjanjian pertama ditandatangani antara Pusaka Endau Sdn Bhd dan Tvornica Elektricnih Kabel (ELKA D.D.) bagi pemindahan teknologi, pemberian bantuan teknikal dan kepakaran dalam pengeluaran kabel tenaga.

Surat cara perjanjian kedua pula ditandatangani antara Kumpulan Pinang Imbas Setia dan Koncar Power Transformer Ltd bagi mengesahkan pembelian tiga unit alat ubah bagi projek kabel dasar laut Tenaga Nasional Bhd.

Surat cara perjanjian ketiga ditandatangani antara Bank Eksport Import Malaysia dan Niva Petrol bagi mendapatkan kemudahan pinjaman jangka pendek untuk membeli kereta keluaran Proton.

Satu-satunya perjanjian usaha sama yang ditandatangani dalam lawatan perdana menteri ke Croatia ialah antara Diversified Resources Corporation Bhd dan Niva Holdings bagi menubuhkan sebuah bank di negara berkenaan. --

BERNAMA

SS DIN SIA